



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	14/7/2021 (RABU)	MUKA SURAT	: 30
JABATAN	:	MALAKOFF		

### Tenaga solar: Malakoff-DRB-HICOM meterai perjanjian

UM, 14 Jul  
2021\_30



ANWAR SYAHRIN

**PETALING JAYA:** Anak syarikat Malakoff Corporation Berhad, Malakoff Radiance Sdn. Bhd. menandatangani enam perjanjian pembelian tenaga solar (SPPA) untuk pembangunan sistem tenaga solar bumbung dengan enam anak syarikat DRB-HICOM Group.

Enam syarikat tersebut ialah CTRM Aero Composites Sdn. Bhd.; Hicom Automotive Manufacturers (Malaysia) Sdn. Bhd.; Isuzu HICOM (M) Sdn. Bhd.; HICOM Teck-See Manufacturing Sdn. Bhd.; HICOM Berhad serta Motosikal dan Enjin Nasional Sdn. Bhd.

Menurut Malakoff, fasiliti



solar tersebut akan dipasang di bawah kontrak bina-milik-operasi-pindah (BOOT) sebagai sebahagian daripada SPPA bertempoh 25 tahun.

“Apabila selesai, fasiliti ini dijangka dapat menjana 18,836 MWh elektrik bersih setiap tahun.

Jumlah ini akan menseutralkan kira-kira 13,072 tan pelepasan karbon setahun dari

industri pembinaan,” katanya dalam kenyataan dekat sini semalam.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Anwar Syahrin Abdul Ajib berkata, perjanjian itu mencerminkan komitmen Malakoff untuk mengembangkan portfolio penajaan tenaga boleh dibaharu (RE) Malakoff.

Beliau yakin bahawa Malakoff berada dalam landasan yang tepat untuk merebut peluang-peluang baharu dalam sektor RE dan projek tersebut adalah satu lagi kejayaan kumpulan itu dalam segmen solar bumbung.

“Kami mempunyai kemampuan dan kebolehan untuk menjalinkan kerjasama dengan mana-mana entiti perniagaan untuk sistem solar bumbung.

“Saya optimis terhadap pertumbuhan segmen solar bumbung yang kami alami sekarang, memandangkan banyak perniagaan berusaha menangani isu global berkenaan perubahan iklim.

“Sebagai peneraju dalam sektor tenaga dan sisa, klien dan rakan kongsi kami mempercayai kebolehan kami untuk membantu mereka mencapai agenda menangani pelepasan karbon,” katanya.

